

Mengapa Islam Membenarkan Hamba

a. Ahmād Ṭālib, Jalan Kuala Alor Star bertanya:

Kita tahu agama Islam berperikemanusiaan tetapi mengapakah Islam mengharuskan hamba-hamba?

Jawab: Kalau saudara membaca sejarah sebelum Islam dan sesudah datangnya Islam maka saudara akan mendapati bahawa keadaan masyarakat sebelum Islam itu memperkosa budak-budak belian itu dengan hebatnya - mereka memandang dan melakukan mereka sebagai binatang yang tidak ada harganya.

Apabila Islam datang maka Islam membuat satu pelaksanaan bahawa tiap-tiap hamba (budak belian) itu hendaklah dikawal sebagai mengawal diri sendiri, dikasihi dan disayangnya - diberi pakaian seperti yang kita pakai, dikawal seperti mengawali sahabat dan keluarga sendiri. Islam menggalakkan supaya tiap-tiap orang Islam memerdekakan orang-orang yang menjadi hamba ini supaya masyarakat perhambaan itu hapus. Orang-orang Islam di zaman Nabi dan di zaman sahabat apabila membeli hamba daripada orang-orang musyrik maka mereka dengan seketika itu juga memerdekakan mereka. Perhambaan yang ada itu berlaku pada masa perang dahulu (di zaman Rasulullah dan di zaman sahabat) sedang keadaan itu tidak ada lagi di zaman kita yang telah beribu-ribu tahun di belakang ini.

Kerana bukan pada tempatnya di sini tidaklah diriwayatkan betapa sahabat-sahabat Nabi memuliakan hak-hak hambanya sendiri. Sayyidinā 'Umar berganti-ganti menaiki kenderaannya dengan hambanya sehingga apabila beliau sampai, di tempat yang dituju kebetulan masa itu Khalifah 'Umar kena giliran berjalan hamba itu di atas kenderaannya sehingga menjadikan orang-orang hairan melihatnya.

Dengan gambaran yang sedikit ini zahirah apakah

Islam tidak berperikemanusiaan dan apakah Islam tidak berikhtiar dan menggalakkan supaya timbul perasaan berpihak-pihak di antara hamba dengan tuan, atau bekas hamba yang telah dimerdekakan dengan tuannya?

Al-Imām Ghazālī di dalam *al-Ihyā'* mengatakan: "Ada pun memiliki hamba itu maka ia menghendaki beberapa hak dalam pergaulan hari-hari (*mu'āsharah*) yang perlu dipelihara. Penghabisan wasiat yang diwasiatkan oleh Rasulullah (S.A.W) ialah: "Berbaktilah kepada Allah terhadap hamba-hambamu. Berilah kepada mereka makanan yang kamu makan sendiri, dan berilah mereka memakai pakaian-pakaian yang kamu pakai sendiri; selama kamu masih suka kepadanya, peliharalah akan dia. Dan jika kamu telah benci kepadanya jualkanlah kepada orang lain; janganlah kamu menyiksa hamba Allah! Allah telah memberi kamu memilikinya, akan tetapi kalau Tuhan kehendaki, dapatlah diberikannya menjadi milik orang lain."

Dengan ini terang bahawa Tuhan meluluskan adanya hamba tetapi tidak bermakna menjadi hamba (seseorang terletak menjadi hak milik seseorang) orang itu disiksa tetapi hidupnya hendaklah disamakan dengan diri sendiri - dan menjadi sebesar-sebesar pahala bagi seseorang ialah membebaskan hamba-hamba itu menjadi merdeka!

* * *

Talak Tiga Sekali Sebut

Haji Ramli Hayati, Malay Street Bazar, Kuala Lumpur bertanya:

Seseorang telah mentalak akan isterinya dengan perkataan: Aku ceraikan engkau dengan tiga talak atau pun dengan lain perkataan: "*Anti ṭalāqun thulūtha*" - apakah hukum

talak itu, dikira satukah atau tiga?

Jawab: Rasulullah (S.A.W) bersabda yang ertinya:

Ibn ‘Abbās telah berkata: Rukānah pernah mentalak

tiga akan isterinya di suatu majlis, lalu ia sangat

dukacita, maka Rasulullah (S.A.W) bertanya kepadanya:

“Bagaimana engkau talak dia?” Ia menjawab:

“Saya talak tiga. Maka Rasulullah berkata:

“Di satu majlis?” Ia menjawab: Iya! Maka sabda

Rasulullah: “Yang demikian itu hanya (jadi) satu.

Kerana itu ambillah semuanya¹ isterimu kalau engkau

mahu.” Kata Rukānah: Maka saya tarik semula akan

isteri saya.

(Maksud hadis sahih Riwayat Ahmad dan

Abu Yu‘lā)

Satu lagi: Maḥmūd ibn Labīd berkata: Ada orang

khabarkan kepada Rasulullah (S.A.W) tentang seorang mentalak

isterinya tiga talak sama sekali. Maka Rasulullah

berdiri dengan marahnya sambil berkata: “Apakah ia

mahu bermain dengan Kitāb Allah padahal aku masih

hidup di antara kamu?” Hingga seorang berdiri

dan bertanya: Ya Rasulullah bolehkah saya bunuh dia?

(Maksud hadis sahih Riwayat al-Nasā’ī)

Telah berkata ‘Ikrimah: Ibn ‘Abbās pernah berkata:

Apabila (seseorang) berkata: Engkau tertalak tiga, dengan

satu kali sebut, maka iaitu jadi satu (sahaja).

(Maksud hadis sahih Riwayat Abū Dāwūd)

Daripada keterangan tiga hadis yang tersebut zahir

bahawa satu lafaz dengan tiga talak itu hukumnya hanya

satu talak sahaja dan ia boleh rujuk kepada

isterinya semula. Hukuman ini berjalan pada masa

Rasulullah (S.A.W) dan berjalan juga pada masa Khalifah

Abū Bakar dan kemudian berjalan pada masa Khalifah ‘Umar

ibn al-Khaṭāb selama dua tahun beliau memerintah. Kemudian

Khalifah ‘Umar menjadikan hukuman satu lafaz dengan

tiga talak itu menjadi tiga.

Bagaimana ijtihād Sayyidina ‘Umar mengubah hukuman

ini tidaklah diketahui dan tidak pula ada sebutan bahawa

ada sahabat-sahabat yang menegur langkahnya seperti tatkala beliau

menghukumkan tentang mas kahwin yang ditegur oleh

seorang wanita sehingga beliau rujuk di hadapan umum.

Tetapi kerana yang berhak menentukan hukum itu Allah

dan Rasul-Nya maka berpegang kepada hukuman Rasul

Allah yang telah dijadikan beliau dan dijalankan pula oleh

Khalifah Abū Bakar dan demikian juga dalam masa dua tahun

pemerintahan Khalifah ‘Umar itu adalah lebih utama kerana jika

sekiranya asas satu-satu hukum boleh diubah kemudiannya

dengan berubah keadaan maka sudah barang tentu segala

hukuman-hukuman yang telah ditetapkan itu akan berubah pula kerana

keadaan-keadaan. Kerana itu lebih utama berpegang kepada hukuman

Rasulullah iaitu talak tiga dengan satu lafaz itu

hanya satu sahaja hukumnya dan boleh dirujuk!

* * *

Samakah biawak Arab dengan biawak di sini?

a. Mansur bin Abdullah, Kampung Kuala Bekah,

Kuala Terengganu bertanya:

Ḍabb (biawak) yang dimaksudkan halal oleh

Rasulullah itu adakah *Ḍabb* sebagaimana yang ada di Malaya

kita sekarang ini?

Jawab: Di dalam kitab *Ḥayāt al-Ḥayawān al-Kubrā* ada

menyebutkan dengan panjang lebar akan sifat, kegemaran dan

cara-cara hidup biawak itu. Kesukaannya, kegemarannya

dan hal-halnya tidak berbeza dengan biawak kita di sini.

¹ semula